

KOMPILASI SOALAN DAN SKEMA
PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023
PENDIDIKAN ISLAM

SOALAN 1
BAHAGIAN AL QURAN, HADIS DAN HUKUM TAJWID

NEGERI SEMBILAN
PULAU PINANG
TERENGGANU
PUTRAJAYA
KELANTAN
SELANGOR
SARAWAK
PAHANG
MELAKA
PERLIS
SABAH
KEDAH
PERAK
JOHOR
SBP

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

BAHAGIAN AL QURAN

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|-----------------------------|--|--|
| MEMAHAMI SUNNATULLAH | | |
| | <p style="text-align: center;"> قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾ </p> | |
| | <p>Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT telah mengatur perjalanan kehidupan manusia sesuai dengan ketetapanNya Berdasarkan ayat di atas</p> | |
| 1 | <p>Nyatakan maksud perkataan bergaris. (2 markah)</p> <p>Maksud perkataan bergaris</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengajaran - Orang yang beriman | Selangor |
| 2 | <p>Nyatakan maksud Sunnatullah (2 markah)</p> <p>Maksud sunnatullah. : Sistem/ peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubahnya.(1m)</p> | Johor N9 Putrajaya 1 Selangor |
| 3 | <p>Senaraikan dua kaum terdahulu yang dimusnahkan oleh Allah SWT. [2 markah]</p> <p>Dua kaum terdahulu yang dimusnahkan oleh Allah SWT :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kaum Thamud - Kaum Luth | Putrajaya 1 |
| 4 | <p>Jelaskan kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu (2 markah)</p> <p>Kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dapat mengenalpasti kejayaan umat terhdahulu - Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu - Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh kepada akidah yang benar dan berakhlak mulia | N9 Selangor |
| 5 | <p>Jelaskan kesan memahami sunnatullah (2 markah)</p> <p>Kesan memahami sunnatullah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT Yang Maha Bijaksana. - Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan. - Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan. - Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam. - Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan | Johor |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|--------------------------------------|---|--|
| 6 | <p>Terangkan dua pengajaran ayat di atas (4 markah)</p> <p>Dua pengajaran ayat :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusi (1m) bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan- Nya.(1m) - Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi (1m) supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah.(1m) - Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu (1m) agar menjadi pedoman dalam kehidupan.(1m) - Kita hendaklah meyakini bahawa Al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran (1m) bagi orang yang beriman dan bertakwa.(1m) - Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa (1m) ketika menerima ujian dalam kehidupan.(1m) - Kita hendaklah menjaga keimanan (1m) agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.(1m) | <p>Johor N9 Putrajaya 1 Selangor</p> |
| LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA | | |
| | <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p>﴿وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ آخِرَةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِمْ أَنْ تَبْسَلَ تَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعِدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ﴾</p> <p>(Surah al-An'am : Ayat 70)</p> </div> <p>Ayat di atas menjelaskan larangan mempersendakan agama. Berdasarkan ayat di atas</p> | |
| 1 | <p>Nyatakan dua bentuk perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]</p> <p>Dua bentuk perbuatan mempersendakan agama ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT. - Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. | <p>Sabah Pulau Pinang</p> |
| 2 | <p>Jelaskan dua cara menjaga kesucian Islam. [4 markah]</p> <p>Dua cara menjaga kesucian Islam ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan. - Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW. - Meningkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat. - Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam. - Mengamalkan tuntutan amar ma'ruf nahi mungkar. - Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah. | <p>Sabah Pulau Pinang</p> |
| 3 | <p>Terangkan dua pengajaran ayat di atas. [4 markah]</p> <p>Dua pengajaran ayat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah menjauhi diri daripada golongan yang mempersendakan agama [I] agar dapat menjaga kesucian Islam.[H] - Kita hendaklah sentiasa memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama [I] agar hidup berpandukan ajaran al-Quran dan as-Sunnah.[H] - Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan syafaat kepada orang yang mempersendakan agama [I] kerana telah merendahkan Islam.[H] - Kita hendaklah menyedari perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah SWT [I] supaya terhindar daripada seksaan api neraka.[H] - Kita hendaklah mempertahankan kesucian Islam dengan pendekatan yang terbaik [I] supaya Islam dipandang tinggi. [H] | <p>Sabah</p> |

| KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN | | |
|--------------------------|---|------------------|
| | <p style="text-align: center;"> ﴿ أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾ ﴾ </p> <p style="text-align: center;"> ﴿ سَبِيلَ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾ ﴾ </p> | |
| | <p>ayat di atas menerangkan tuntutan pelaksanaan Fiqh Aulawiyat dalam kehidupan Berdasarkan ayat di atas</p> | |
| 1 | <p>Apakah maksud Fiqh al-Aulawiyat? (2 markah)</p> <p>Fiqh Aulawiyat ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan/ berdasarkan prinsip syarak. | Perak Melaka |
| 2 | <p>Nyatakan dua bidang pelaksanaan fiqh al-Aulawiyat. [2 markah]</p> <p>dua bidang pelaksanaan fiqh al-Aulawiyat.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ilmu dan pemikiran - Amalan - Tuntutan syarak | Perlis |
| 2 | <p>Jelaskan dua contoh aplikasi Fiqh al-Aulawiyat dalam bidang amalan (4 markah)</p> <p>Dua contoh aplikasi Fiqh al Aulawiyat dalam bidang amalan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengutamakan bersedekah berbanding dengan gotong royong. - Mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding dengan memperbanyak amalan sunat untuk peribadi. | Perak |
| 3 | <p>Jelaskan dua prinsip asas dalam Fiqh al-Aulawiyat (2 markah)</p> <p>Dua prinsip asas dalam Fiqh Aulawiyat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bersumberkan dalil syarak - Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak. - Mengambil kira keperluan semasa dan setempat - Mengutamakan keperluan atau manfaat bersama berbanding dengan manfaat peribadi. - Mengambil kira tahap keutamaan individu | Perak |
| 4 | <p>Jelaskan dua kepentingan fiqh al-Aulawiyat terhadap individu. [4 markah]</p> <p>dua kepentingan fiqh al-Aulawiyat terhadap individu ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik. - Membuahkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif. - Mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan yangtepat. | Perlis |
| 5 | <p>Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]</p> <p>Dua pengajaran daripada ayat di atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah dan hari akhirat / kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadat - Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta / supaya kita mendapat ganjaran yang besar disisi Allah - Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik / supaya menjadi insan yang produktif - Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan / kerana kebaikan itu akan diberi ganjaran pada hari akhirat. <p>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> | Melaka Perlis |

| KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM (SURAH AL HUJURAT AYAT 33) | | |
|--|--|--|
| | <p>(Surah al-Hujurat : 13)</p> <p>Ayat di atas menerangkan tentang tuntutan kepada manusia yang terdiri daripada pelbagai bangsa Berdasarkan ayat di atas</p> | Kedah Maksud perkataan Rujuk semula |
| 1 | <p>Nyatakan sebab turun ayat . (2 markah)</p> <p>Sebab turun ayat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rasulullah SAW telah meminta saidina Bilal bin Rabah r.a. melaungkan azan semasa pembukaan kota Mekah. - Terdapat sahabat yang telah memandang rendah kepada saidina Bilal r.a. /Jibril memberitahu Rasulullah SAW, lalu - Rasulullah SAW memanggil mereka dan menegur tindakan mereka <p>Catatan : Perlu ada kronologi peristiwa yang mengandungi nama sahabat, peristiwa dan tindakan Rasulullah SAW</p> | Terengganu Pahang Kelantan SBP Sarawak Kedah Putrajaya 2 Selangor 2 |
| 2 | <p>Jelaskan dua keutamaan taqwa di sisi Allah SWT . (4 markah)</p> <p>Keutamaan taqwa :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Manusia adalah sama di sisi Allah SWT - Allah tidak melihat jantina atau bangsa tetapi Allah SWT memandang hati. - Meyakini kekuasaan Allah SWT melalui makhluk ciptaanNYA. - Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya. | Kelantan SBP |
| 3 | <p>Nyatakan dua tuntutan tersebut (2 markah)</p> <p>Dua tuntutan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa. - Keutamaan takwa | Pahang |
| 4 | <p>Jelaskan dua tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa (2 markah)</p> <p>Terangkan kepentingan umat Islam untuk saling mengenali pelbagai bangsa dan kaum</p> <p>Dua tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjalin perpaduan / perhubungan yang harmoni - Mengiktiraf kemuliaan' harga diri manusia tanpa mengira rupa paras/etnik - Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam - Menggalakkan interaksi/kerjasama yang saling melengkapi antara satu sama lain | Terengganu Sarawak Putrajaya 2 Selangor 2 |
| 5 | <p>Terangkan dua pengajaran ayat di atas (4 markah)</p> <p>Dua pengajaran ayat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah saling bekerjasama (1m) untuk membina kehidupan yang harmoni (1m). - Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya (1m) supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat (1m). - Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak (1m) supaya menjadi insan bertaqwa (1m). | Pahang Kelantan SBP Sarawak Kedah Putrajaya 2 Selangor 2 |





BAHAGIAN HADIS



| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|----|---|---|
| | KEMULIAAN BERDIKARI | |
| | <p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.</p> <p>Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari. Berdasarkan hadis di atas,</p> | |
| 1 | <p>Nyatakan maksud perkataan bergaris (2 markah)</p> <p>Maksud perkataan bergaris</p> <ul style="list-style-type: none"> - Belakangnya - Maka memberi kepadanya | Terengganu |
| 2 | <p>Apakah maksud berdikari? 2 markah</p> <p>Maksud berdikari ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berusaha sendiri / dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. | Perak Melaka Pahang Kelantan Sabah SBP Kedah N9 Putrajaya 2 Selangor 2 |
| 3 | <p>Senaraikan pekerjaan bagi rasul tersebut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nabi Adam a.s 2.)Nabi Zakaria a.s <p>Pekerjaan bagi rasul:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nabi Adam as: Petani - Nabi Zakaria as: Tukang kayu | Putrajaya 2 |
| 4 | <p>Nyatakan dua konsep berdikari. [2 markah]</p> <p>Nyatakan dua konsep berdikari</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah seperti kekuatan tubuh badan dan kecerdikan akal untuk perkara yang bermanfaat. - Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri. - Menyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas. - Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara. - Berusaha dengan sungguh-sungguh untuk menyarak kehidupan. | Perlis Sarawak Kedah putrajaya 2 |
| 5 | <p>Jelaskan dua kelebihan berdikari . 2 markah (pahang & kelantan 4 markah)</p> <p>Dua kelebihan berdikari ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjadikan Islam dipandang tinggi (1m) kerana umatnya rajin berusaha (1m). - Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal (1m) kerana diusahakan sendiri (1m). - Melahirkan modal insan yang pakar (1m) melalui penerokaan ilmu dan kemahiran (1m). - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan (1m). | Perak Pahang Kelantan Perlis Sabah Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|-------------------------------------|---|--|
| 6 | <p>Jelaskan dua hikmah mengamalkan sikap berdikari terhadap masyarakat (2 markah)</p> <p>Dua hikmah berdikari terhadap masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf hidup - Masyarakat dapat menambah hasil pendapatan yang diyakini halal - Masyarakat dapathidup harmoni tanpa mengamalkan sikap meminta-minta | N9 Selangor 2 |
| 7 | <p>Jelaskan dua cara untuk mencapai kejayaan secara beradab dan istiqamah (4 markah)</p> <p>Dua cara untuk mencapai kejayaan secara beradab dan istiqamah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendalami ilmu tentang pekerjaan yang ingin dilakukan\ - Menggunakan potensi diri mengikut syarak - Berusaha bersungguh-sungguh tanpa menjatuhkan orang lain <p>Mana-mana jawapan munasabah diterima</p> | Terengganu |
| 8 | <p>Terangkan pengajaran daripada hadis di atas. [2 markah]</p> <p>Pengajaran hadis di atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal/ walaupun hasilnya sedikit - Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain / demi memelihara kemuliaan dan maruah sendiri. - Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran / untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. - Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan / agar hidup dirahmati | Melaka Terengganu SBP Sarawak |
| SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN | | |
| | <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-bottom: 10px;"> <p>أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ قَالَ : وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ – وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ</p> <p>(متفق عليه)</p> </div> <p>Hadis di atas menjelaskan setiap manusia adalah pemimpin bagi orang yang berada di bawah tanggungjawabnya</p> | |
| 1 | <p>Nyatakan maksud perkataan yang bergaris di bawahnya (2 markah)</p> <p>Maksud bagi perkataan bergaris di bawahnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> - pemimpin (Johor) - Imam itu adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas kepimpinannya (Pulau Pinang) - dan pekerja (Johor) | Johor Pulau Pinang |
| 2 | <p>Nyatakan dua tanggungjawab setiap individu selain daripada pemimpin.(Putrajaya) Nyatakan dua individu yang dipertanggungjawabkan selain anak(Selangor) [2 markah]</p> <p><i>Dua tanggungjawab setiap individu selain daripada pemimpin/anak:</i></p> <p>Pemimpin Suami Isteri Pekerja Anak</p> | Putrajaya 1 Selangor |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|----|--|-----------------------------------|
| 3 | <p>Jelaskan dua tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. [2 markah]</p> <p>Dua tanggungjawab anak terhadap ibu bapa :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berbakti kepada ibu bapa sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia - Sentiasa mendoakan mereka - Sentiasa membantu mereka dengan sebaik-baiknya - Sentiasa berbuat baik dengan ibu bapa dan menyambung silaturrahim dengan rakan-rakan mereka | Putrajaya 1 Selangor |
| 4 | <p>Terangkan implikasi anak yang derhaka kepada ibu bapa. [2 markah]</p> <p>Implikasi anak yang derhaka kepada ibu bapa:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT kerana mengguris hati ibu bapa. - Jiwa tidak tenang kerana memikirkan dosa yang dilakukan. - Dipandang hina oleh masyarakat kerana perbuatan keji tersebut | Putrajaya 1 |
| 5 | <p>Nyatakan dua tanggungjawab pemimpin</p> <p>Dua tanggungjawab pemimpin ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman - Menegakkan syariat Islam - Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah - Menyediakan infrastruktur yang lengkap - Bersikap toleransi terhadap orang bawahan | Pulau Pinang |
| 6 | <p>Jelaskan nasihat Luqman al Hakim kepada anaknya tentang tanggungjawab anak terhadap ibu bapa dalam surah Luqman ayat 12 – 16 (2 markah)</p> <p>Nasihat Lukman al-Hakim kepada anaknya tentang tanggungjawab anak terhadap ibu bapa:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berbuat baik kepada ibu bapa - Sentiasa bersyukur kepada Allah dan menghargai kedua ibu bapa | Johor |
| 7 | <p>Terangkan pengajaran hadis di atas (2 markah)</p> <p>Pengajaran hadis:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin (1m) yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.(1m) - Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin (1m) dengan adil dan amanah.(1m) - Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga (1m) agar selamat di dunia dan di akhirat.(1m) - Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga dan rumahtangga (1m) agar kekal harmoni.(1m) - Kita hendaklah sentiasa bersikap amanah dalam pekerjaan (1m) supaya rezeki diberkati.(1m) - Kita hendaklah berbakti kepada ibubapa semasa mereka hidup atau setelah meninggal dunia (1m) kerana jasa mereka tidak terbalas.(1m) - Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam aspek kepimpinan (1m) kerana baginda adalah contoh ikutan terbaik.(1m) | Johor Pulau Pinang Selangor |

HUKUM TAJWID

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|----|---|--|
| 1 | <p>Nyatakan dua jenis Ibtida'. (2 markah)</p> <p>Dua jenis ibtida' ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ibtida' Hasan 2) Ibtida' Qabih | Perak Perlis SBP Putrajaya 2 |
| 2 | <p>Terangkan salah satu pembahagian ibtida dan hukumnya. [2 markah]</p> <p>Pembahagian ibtida dan hukumnya ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ibtida Hasan [1m], hukum bacaan harus [1m] - Ibtida Qabih [1m], hukum bacaan tidak harus [1m] | Sabah |
| 3 | <p>Nyatakan cara bacaan <i>qalqalah kubra</i>. [2 markah]</p> <p>Cara bacaan Qalqalah Kubra :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bunyi lantunan kuat/ mendetak dengan kuat (1m) / Ketika menyebut huruf qalqalah Ketika waqaf (1m) | Melaka |
| 4 | <p>Jelaskan cara bacaan bagi hukum tajwid qalqalah kubra dan qalqalah sughra. [2 markah]</p> <p>Cara bacaan bagi hukum tajwid Qalqalah Kubra dan Qalqalah Sughra :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Qalqalah Kubra : bunyi lantunan kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika waqaf - Qalqalah Sughra : bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah yang berbaris sukun | Putrajaya 1 |
| 5 | <p>Nyatakan dua bahagian hukum qalqalah di dalam hukum tajwid. (2 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Qalqalah sughra - Qalqalah kubra - Qalqalah akbar | Pahang Kelantan Sarawak Kedah N9 Selangor 2 |
| 6 | <p>Nyatakan hukum Mad lazim bagi potongan ayat berikut</p> <p>(i) </p> <p>(ii) </p> <p>Hukum mad lazim bagi potongan ayat :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mad lazim harfi muhaffaf - Mad lazim kalimi muthaqqal | Johor |
| 7 | <p>Nyatakan jenis mad lazim bagi potongan al Quran di bawah</p> <p>(i) </p> <p>(ii) </p> <p>Hukum Mad lazim</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Mad lazim Kalimi Musaqqal b) Mad Lazim Harfi Mukhaffaf | Pulau Pinang |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|----|--|------------|
| 8 | <p>Nyatakan dua jenis Mad lazim (2 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mad Lazim Kalimi Muthaqqal - Mad lazim Kalimi Mukhaffaf - Mad lazim Harfi Muthaqqal - Mad Lazim Harfi Mukhaffaf | Terengganu |
| 9 | <p>Nyatakan cara bacaan bagi tanda wakaf berikut</p> <p>i) </p> <p>ii) </p> <p>Cara bacaan tanda wakaf</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Wakaf lebih utama ii) Wasal/teruskan bacaan lebih utama | Selangor |